

PROGRAM PTV – Soalan Lazim

1. Apakah itu Program Baucar Perlindungan Tenang (PTV)?

Program PTV ialah inisiatif Kerajaan Malaysia yang bertujuan untuk memperkukuh perlindungan sosial bagi golongan berpendapatan rendah.

2. Apakah pelan FWD Insurance yang ditawarkan di bawah Program PTV?

FWD Insurance menawarkan Qaseh Setia Pelan 70 dan Qaseh Murni Pelan 1 di bawah Program PTV, yang tersedia dari 22 September 2025 hingga 31 Ogos 2026.

3. Siapakah yang layak menyertai Program PTV?

Penerima Baucar PTV layak untuk membeli Qaseh Setia Pelan 70 dan Qaseh Murni Pelan 1. Setelah baucar RM30 ditebus, baki premium akan ditolak secara automatik daripada Akaun Simpanan BSN pelanggan. Sila rujuk jadual di bawah untuk maklumat lanjut:

Pelan	Qaseh Setia Pelan 70	Qaseh Murni Pelan 1
Premium Tahunan	RM70	RM70
Amaun SubsidiPTV	RM30 (Penebusan Baucar)	RM30 (Penebusan Baucar)
Amaun Premium pelanggan perlu bayar	RM40 (Tolakan dari Akaun Simpanan BSN)	RM40 (Tolakan dari Akaun Simpanan BSN)

4. Bagaimanakah cara untuk mendaftar pelan FWD Insurance di bawah Program PTV?

Anda boleh mendaftar di mana-mana cawangan BSN yang berdekatan.

5. Saya sudah mempunyai polisi Qaseh Murni dan/atau Qaseh Setia. Bolehkah saya membeli lagi melalui Program PTV?

Ya, anda boleh membeli polisi tambahan sekiranya belum melebihi had maksimum yang dibenarkan. Setiap individu yang layak boleh memiliki sehingga dua sijil Qaseh Setia dan satu polisi Qaseh Murni sepanjang hayat. Walau bagaimanapun, hanya satu Baucar PTV boleh ditebus bagi setiap individu yang layak.

6. Bagaimana jika sijil yang saya beli melalui Program PTV tidak memenuhi keperluan saya? Bolehkah saya batalkan dan guna semula baucar?

Pembatalan dalam 15 hari tempoh pengamatan percuma:

Jika anda membatalkan polisi dalam masa 15 hari selepas polisi dikeluarkan dan bermula, FWD akan membatalkan penebusan baucar dan premium yang telah dibayar akan dikembalikan ke dalam akaun BSN anda.

Pembatalan selepas 15 hari tempoh pengamatan percuma:

Jika anda membatalkan selepas tempoh tersebut, penebusan baucar tidak akan dibatalkan. Perlindungan akan diteruskan sehingga ulang tahun polisi berikutnya selepas notifikasi pembatalan diterima.

7. Adakah saya boleh membuat pembaharuan sijil di bawah Program PTV?

Ya, anda boleh memilih untuk membuat pembaharuan automatik semasa pendaftaran pelan dimana premium tahunan akan ditolak daripada Akaun Simpanan BSN anda secara automatik semasa ulang tahun sijil.

8. Saya telah mendaftar sijil menggunakan Baucar PTV, tetapi saya tidak pasti sama ada saya layak atau sudah pernah menebus baucar tersebut. Apa akan berlaku kepada permohonan saya?

Perlindungan hanya akan bermula selepas Baucar PTV berjaya disahkan dan ditebus. Jika anda telah menebus baucar PTV untuk polisi lain atau tidak memenuhi kriteria program, baucar tidak boleh ditebus. Dalam situasi ini, sijil anda tidak akan berkuat kuasa dan premium yang telah dibayar akan dikembalikann

sepenuhnya ke akaun simpanan BSN anda. Anda akan dimaklumkan melalui emel mengenai status permohonan anda jika tidak Berjaya.

Sila ambil perhatian bahawa Baucar PTV hanya sah untuk bayaran premium tahun pertama dan terhad kepada satu kali penggunaan sahaja bagi setiap individu.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Program PTV?

Anda boleh melayari Portal PTV di www.myptv.my untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Program PTV, dan www.mycoverage.my untuk mengetahui lebih lanjut tentang produk Perlindungan Tenang.

Pemakluman:

Soalan Lazim (FAQ) ini hanya merangkumi maklumat Utama Program PTV. Untuk maklumat lengkap mengenai produk, sila rujuk kepada Polisi Induk dan Helaian Pendedahan Produk bagi Qaseh Murni dan Qaseh Setia.